

Headline	PNB tidak beli bon sukuk 1MDB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 May 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	109 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,420
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,261



## PNB tidak beli bon sukuk 1MDB

**KUALA LUMPUR 13 Mei** - Permodalan Nasional Berhad (PNB) menafikan terlibat dalam pembelian RM579.2 juta bon sukuk yang dikeluarkan oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti yang didakwa pembangkang menerusi satu portal berita semalam.

Firma pelaburan itu memberitahu, pihaknya juga tidak pernah menerima sebarang tawaran jualan daripada syarikat tersebut, yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

"PNB tidak terlibat dalam pembelian sukuk yang dikeluarkan 1MDB dan tiada sebarang tawaran jualan diterima," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Portal berita propembangkang itu memetik kenyataan Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli yang mendakwa PNB membeli RM579.2 juta bon sukuk daripada 1MDB.

Rafizi berkata, keadaan itu menunjukkan satu trend di mana syarikat milik kerajaan (GLC) digunakan untuk mengumpul dana

bagi firma pelaburan negara yang dibebani hutang.

Dakwa beliau, 1MDB mengeluarkan sukuk bernilai RM1.5 bilion pada tahun lalu kepada PNB dan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan jumlah pinjaman itu mempunyai kadar faedah enam peratus.

Katanya, memandangkan Tabung Haji telah mengaku membeli RM920.8 juta sukuk daripada 1MDB, ini bermakna baki lagi RM579.2 juta dibeli oleh PNB.

Baru-baru ini, Tabung Haji menjelaskan pelaburannya dalam terbitan Sukuk Bandar Malaysia pada Februari 2014 adalah pelaburan yang selamat.

Secara keseluruhan, pelaburan tersebut melibatkan dua pecahan iaitu RM920.8 juta yang boleh menjana hasil sebanyak 5.85 peratus dan 6.05 peratus masing-masing dalam tempoh tujuh dan 10 tahun.

Sukuk tersebut dicagar secara efektif ke atas sebidang tanah di Bandar Malaysia dengan jaminan sekuriti sekurang-kurangnya 1.67 kali.